

GST kepada SST

Kesannya terhadap Industri Automotif



Foto: funtasticko.net

Pemintaan terhadap kenderaan meningkat selepas penurunan harga, dengan GST pada kadar sifar, selain promosi menarik bersempena dengan sambutan Aidilfitri.

BERDASARKAN perkembangan terbaharu, pada Julai 2018, Persatuan Automotif Malaysia (MAA) menurunkan kadar sasaran Jualan Keseluruhan Industri (TIV) kepada 585 ribu unit pada tahun ini berbanding dengan 590 ribu yang diunjurkan sebelum ini susulan kebimbangan mengenai pengenalan semula cukai jualan dan perkhidmatan atau *sale and services tax* (SST). Presiden MAA, Datuk Aishah Ahmad berkata, berbanding dengan cukai barang dan perkhidmatan atau *goods and services tax* (GST), SST akan mendorong kepada kenaikan harga kebanyakan model kenderaan, sekali gus

mengurangkan permintaan daripada pengguna. Pelaksanaan SST pada 1 September dengan kadar 10 peratus, berbanding dengan GST pada kadar enam peratus, beliau menyatakan bahawa banyak model kenderaan akan mengalami kenaikan harga. Tambah beliau, bagi tempoh Jun hingga Ogos 2018, terdapat banyak permintaan untuk mendaftarkan kenderaan berikut harganya masih rendah. Namun begitu, bermula September dan seterusnya, Datuk Aisyah yakin akan berlaku situasi yang perlahan yang melibatkan TIV. Jika harga meningkat, hal ini sudah pasti memberikan kesan kepada jualan.

Sehubungan dengan hal itu, bagi tempoh enam bulan pertama pada tahun ini, TIV kenderaan baharu meningkat 1.8 peratus kepada 298 714 unit berbanding dengan jumlah yang dicatatkan, iaitu 284 453 unit dalam tempoh yang sama pada tahun lepas. Prestasi yang semakin

baik yang ditunjukkan itu disumbangkan oleh segmen kenderaan penumpang yang meningkat sebanyak 2.1 peratus atau 5295, manakala segmen komersial pula mencatatkan penurunan yang amat kecil, yakni sebanyak 0.1 atau 34 unit.

Hingga kini jualan tertinggi kenderaan yang direkodkan pada Jun dengan TIV melonjak 50.1 peratus kepada 64 502 unit berbanding dengan 42 983 unit pada Mei.

Peningkatan yang tinggi ini berlaku kerana permintaan terhadap kenderaan meningkat selepas penurunan harga, dengan GST pada kadar sifar, selain promosi menarik bersempena dengan sambutan Aidilfitri dan tawaran oleh anggota MAA.

Sementara itu, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) merekodkan jualan sebanyak 117 100 unit kenderaan untuk separuh pertama tahun 2018, yakni meningkat 17.5 peratus berbanding dengan 99 700 unit bagi tempoh sama pada tahun 2017. Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perodua, Datuk Dr. Aminar Rashid Salleh, jumlah tersebut mewakili 40.4 peratus bahagian pasaran daripada jumlah TIV, iaitu sebanyak 289 700 unit.

Ulas beliau, susulan peningkatan jualan itu, Perodua telah menambah jumlah pengeluaran kenderaan kepada 109 ribu unit untuk tempoh enam bulan pertama berbanding dengan 99 ribu unit bagi tempoh yang sama pada tahun lalu. Myvi mencatatkan angka tertinggi, iaitu sebanyak 46 860 unit diikuti Axia (33 870 unit), Bezza (23 555 unit) dan Alza (12 815 unit). Myvi baharu terus menjadi model paling popular sejak dilancarkan pada November 2017 dengan lebih daripada 65 ribu unit telah didaftarkan.

Semasa penyampaian taklimat prestasi Perodua bagi separuh pertama tahun 2018, dimaklumkan bahawa rekod jualan tersebut dipacu oleh permintaan yang tinggi terhadap Myvi baharu serta model yang lain pada suku pertama. Pada akhir suku kedua, peningkatan jualan didorong oleh penurunan kadar GST kepada sifar peratus.

Berkaitan dengan pengenalan semula SST yang akan dilaksana oleh kerajaan, Datuk Dr. Aminar memberitahu bahawa pihak Perodua masih belum jelas mengenai mekanisme penuh cukai berkenaan. Tambahnya, pada ketika ini,

perbincangan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) masih berjalan dan hasil daripada perbincangan itu akan dibawa kepada Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

Sekiranya SST dikenakan pada kadar 10 peratus secara matematik, maka harga kereta akan meningkat. Walau bagaimanapun, seperti yang kita sedia maklum, hasrat kerajaan baharu adalah untuk tidak membebankan rakyat dan banyak pihak yang percaya bahawa hal ini akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Mengulas perihal perkara ini, Datuk Dr. Aminar berkata, margin keuntungan yang diperoleh oleh pemain industri yang kecil seperti Perodua adalah sedikit. Oleh sebab itu, mereka perlu tahu hasrat kerajaan dan kaedah yang tepat diaplikasikan oleh syarikat untuk sama-sama memenuhi aspirasi tersebut kerana kerajaan dan pelanggan merupakan pihak berkepentingan kepada Perodua.

Oleh itu, andainya harga kenderaan naik bermula September, pihaknya menjangkakan orang ramai perlu melalui tempoh penyesuaian yang secara tidak langsung akan mengakibatkan pengurangan permintaan dalam tempoh tersebut.

Berkemungkinan impak terhadap hal itu akan berterusan hingga hujung tahun ini walaupun biasanya pada waktu itu, banyak syarikat pengeluar kenderaan akan memberikan tawaran yang hebat untuk mengelakkan stok dibawa ke tahun hadapan.

Berbeza daripada pandangan pengeluar bahagian automotif, New Hoong Fatt Holdings Berhad, syarikat itu menjangkakan sektor automotif tempatan akan memberikan prestasi yang lebih baik pada setengah tahun kedua tahun ini berikutan pelaksanaan kadar sifar GST. Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin, berkata kadar sifar GST adalah baik kepada ekonomi kerana berupaya merangsang jualan. Beliau mengunjurkan pencapaian yang lebih baik pada setengah tahun kedua tahun 2018 dan berharap pasaran pengguna akan lebih agresif.

Rekod jualan Perodua dipacu oleh permintaan yang tinggi terhadap Myvi baharu dan model yang lain serta penurunan kadar GST kepada sifar peratus.



Adakah pelaksanaan SST yang menggantikan GST bakal meningkatkan harga kereta di negara ini?

Mengulas hal yang berkaitan dengan prestasi pada masa akan datang, beliau berkata, syarikat berkenaan melihat pasaran ASEAN sebagai pemacu pertumbuhan masa depannya. Pasaran serantau terus berkembang, terutama di Indonesia, Thailand, Vietnam dan Filipina, walaupun pasaran Malaysia menghampiri titik tepunya. Menurut Chin Jit Sin, syarikat mengambil langkah untuk menggapai pasaran lebih besar di luar Malaysia kerana terdapat peluang untuk syarikat itu terus berkembang di Indonesia dan Filipina.

Oleh sebab, kedua-dua buah negara itu mempunyai bilangan penduduk yang besar dan TIV yang tinggi berbanding dengan pasaran

Malaysia, justeru menyediakan lebih banyak peluang untuk syarikat automotif itu membekalkan produknya. Dalam pada itu, Vietnam dan Filipina juga mempunyai penduduk yang besar dengan TIV yang kecil yang memberikan potensi yang luas kepada syarikat untuk mencapai matlamat yang disasarkan.

Sementara itu, bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2018, untung bersih New Hoong Fatt susut kepada RM1.82 juta daripada RM7.37 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama pada tahun lalu, manakala perolehan susut sedikit kepada RM60.90 juta daripada RM62.47 juta yang dicapai sebelumnya.

Harga akan meningkat melebihi empat peratus berpunca daripada "tingkah laku memaksimumkan keuntungan" dalam kalangan peniaga.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat berkenaan mengatakan keputusan itu berikutan kadar tukaran mata wang asing yang tidak menguntungkan, perolehan yang rendah daripada pasaran eksport dan harga bahan mentah yang tinggi serta faktor kos pengeluaran lain.

Sementara itu, ahli ekonomi di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Firdaos Rosli, menjangkakan berlakunya peningkatan harga kereta dan perkhidmatan apabila SST dilaksanakan. Beliau juga menjangkakan kadar SST paling kurang adalah pada 10 peratus yang merupakan kadar yang terpakai sebelum digantikan dengan GST sebanyak enam peratus pada tahun 2015.

Oleh itu, rakyat akan membayar lebih empat peratus cukai penggunaan bermula September depan sekiranya kadar SST ditetapkan pada kadar 10 peratus dan situasi ini akan meningkatkan harga kereta baharu dan terpakai, selain perkhidmatan yang tidak dikawal seperti perkhidmatan servis dan membaiki kenderaan.

Tambah beliau, namun demikian, secara amalnya, harga akan meningkat melebihi empat peratus berpunca daripada "tingkah laku memaksimumkan keuntungan" dalam kalangan peniaga. Hal ini dapat dilihat juga apabila SST dikenakan oleh peniaga minuman dan makanan serta syarikat utiliti telah menyaksikan pengguna membayar lebih banyak bagi makanan di restoran, bil elektrik, air paip dan khidmat internet. GST dilaporkan menyumbangkan sebanyak RM43 bilion setahun kepada hasil kerajaan, manakala ujar Firdaos, pada kadar 10 peratus, SST hanya menyumbangkan sebanyak RM17 bilion kepada kerajaan.

"Oleh sebab kutipan SST sebanyak 10 peratus membawa masuk hasil lebih rendah daripada GST enam peratus, saya tidak nampak kemungkinan kadar baharu SST lebih rendah daripada 10 peratus," katanya.

Dengan pelbagai pandangan dan komen yang bercampur-campur yang diberikan oleh pengkaji serta pemain industri automotif negara ini ekoran pelaksanaan SST bermula pada 1 September ini, yang kita harapkan pastinya agar sektor automotif negara terus berdaya saing dan menempa kegemilangan seperti yang pernah dilakarkan pada suatu ketika dahulu. •